

# MDR jayakan program gotong royong

March 21, 2022 - by admin - Leave a Comment



GIMIK...Jumain (lima kiri) sempat merakam gambar bersama Jupirin dan para kakitangan MDR.

RANAU: Cuaca tidak menentu (hujan) diawal pagi namun tidak menghalang para kakitangan Majlis Daerah Ranau (MDR) bersama para jemputan untuk menjayakan program Gotong-Royong menanam pokok kayu hiasan dan pokok bunga di tempat-tempat strategik kawasan pekan pagi tadi.

Lokasi lain yang turut ditanam dengan pokok ialah, kawasan hadapan bangunan strategik Blok D, Koisaan Point Ranau.

Turut hadir menyertai gotong – royong itu ialah Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Ranau (MDR), Jupirin Bin Haji Ruhimin, sementara ‘Gimik’ perasmian yang juga turut hadir menyertai gotong royong tersebut telah disempurnakan Pegawai Daerah Ranau merangkap Pengerusi MDR, Jumain Bin Abd.Ghani.

Jumain ketika ditemui, memuji kakitangan MDR kerana hadir. menjayakan projek gotong royong itu walaupun berhujan.

“Inilah semangat yang kita mahu dalam menjayakan apa juga program kendalian MDR yang berfungsi untuk meletakkan pekan Ranau yang Bersih, Indah, Cantik dan Selamat kepada orang awam”, jelas Jumain.

Jupirin ketika ditemui memaklumkan gotong royong itu dilaksanakan sebagai menyahut seruan kerajaan untuk menanam 1.3 juta pokok suruh negara. “Kita menjayakan gotong royong ini sempena ‘Hari Menanam Pokok’ yang mensasar 1.3 juta pokok seluruh negara”, tegas Jupirin.